




07 MAY, 2024

FAMA pasarkan 84,000kg harumanis bernilai lebih RM1.6 juta

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 1 of 2



TUANKU Syed Faizuddin Putra Jamalullail menunjukkan mempalam harumanis di Kangar, Perlis, semalam. - UTUSAN

FAMA pasarkan 84,000kg harumanis bernilai lebih RM1.6 juta

KANGAR: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Perlis memasarkan sebanyak 84,000 kilogram harumanis bernilai RM1.6 juta sejak bulan lalu.

Ia termasuk pemasaran secara dalam talian melalui portal Agrobazaar Online sebanyak 3,040 kilogram bernilai RM80,000 membabitkan 19 pengusaha.

Pengarah FAMA negeri, Mohd. Anzara Azizan berkata, usaha tersebut antara langkah mempromosi dan memasarkan buah istimewa itu yang mempunyai penggemarnya bukan sahaja di dalam malah di luar negara, termasuk Singapura.

Katanya, buah mempalam berkenaan telah mula mengeluarkan hasil sejak April lalu.

Selain itu, katanya, FAMA Perlis menjana sebanyak RM700,000 melalui kerjasama dengan Maj-

lis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) dalam penganjuran Bazar Ramadan di Dataran Asnaf Business Corner (A.B.C.) MAIPs Kangar.

“Ia melibatkan 35 usahawan dari seluruh Perlis,” katanya ketika mempersembah ucapan aluan kepada Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail sempena Majlis Sentuhan Kasih Aidilfitri Bersama Raja Muda Perlis di pejabat FAMA negeri di Behor Temak di sini, semalam.

Tuanku Syed Faizuddin turut berkenan menyempurnakan perasmian kempen lebihkan makan buah-buahan tempatan dalam usaha menggalakkan masyarakat menjadikan buah sebagai menu dalam setiap hidangan.

Majlis sambutan Aidilfitri tersebut turut dimeriahkan dengan kehadiran kakitangan FAMA negeri.



07 MAY, 2024

FAMA pasarkan 84,000kg harumanis bernilai lebih RM1.6 juta

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

KANGAR: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Perlis memasarkan sebanyak 84,000 kilogram harumanis bernilai RM1.6 juta sejak bulan lalu. Ia termasuk pemasaran secara dalam talian melalui portal Agrobazaar Online sebanyak 3,040 kilogram bernilai RM80,000 membabitkan 19 pengusaha. Pengarah FAMA negeri, Mohd. Anzara Azizan berkata, usaha tersebut antara langkah mempromosi dan memasarkan buah istimewa itu yang mempunyai penggemarnya bukan sahaja di dalam malah di luar negara, termasuk Singapura.